

## **SIDANG MEDIA OPERASI PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK PREMIS KITAR SEMULA DAN MEMPROSES LOGAM**

23 Mac 2022, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka (JASNM) dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melakukan operasi pemotongan bekalan elektrik ke atas sebuah premis kitar semula dan memproses logam bertempat di Taman Teknologi Cheng. Pihak premis didapati telah melanggar arahan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan oleh JASNM sebelum ini.

Satu sidang media yang disampaikan oleh YB Datuk Zaidi bin Attan, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar turut diadakan untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Melaka komited untuk menangani aduan awam dan menyeru pemain-pemain industri dan pemaju-pemaju projek pembangunan di Negeri Melaka serta orang awam dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

Orang ramai diminta untuk membantu Jabatan Alam Sekitar dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka